

023  
MAHATHIR

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 10.45 MLM INI - 11 JUN)

KUALA LUMPUR, 11 JUN <sup>1976</sup> (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH MENGGESA AHLI-AHLI KELAB ROTARY MEMBANTU KERAJAAN MEMBAIKI KEADAAN HIDUP RAKYAT DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

KATANYA, USAHA KERAJAAN SAJA TIDAK CUKUP BAGI MENCAPAI MATLAMAT TERSEBUT YANG DEMIKIAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN SUKARELA SEPERTI KELAB ROTARY HENDAKLAH TURUT MEMBANTU MEMIKUL BEBAN MELAKSANAKAN PEMBA-NGUNAN.

BERUCAP DI MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA PEMILIHAN ANGGUTA-ANGGUTA JAWATANKUASA BARU KELAB ITU DI SINI MALAM INI, DR. MAHATHIR BERKATA, KELAB TERSEBUT BOLEH MENYEMAI UNSUR-UNSUR KEMANUSIAN DALAM PROSES PEMBANGUNAN YANG JIKA DIBIARKAN HANYA AKAN MERUPAKAN PROSES KEJEN-TERAAN SEMATA-MATA.

BELIAU YAKIN KELAB ITU BOLEH BERBUAT DEMIKIAN OLEH KERANA IA DIWAKILI OLEH BERBAGAI LAPISAN MASYARAKAT DAN MEMPUNYAI PEMIMPIN DARI BERBAGAI PROFESYEN. — BERSAMBUNG 1828/YF

624

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

268

DR. MAHATHIR BERKATA, MATLAMAT KELAB ITU MENGGALAKKAN PERSAU-DARAAN DAN PERSAHABATAN DI KALANGAN RAKYAT ADALAH SESUATU YANG ISTIMEWA BAGI MALAYSIA MEMANDANGKAN PENDUDUK NEGARA INI YANG BER-BILANG KAUM DAN UGAMA.

MENURUT BELIAU, PERKEMBANGAN DAN KEMAKMURAN NEGARA AKAN LEBIH TERJAMIN JIKA UJUD KEHARMONIAN KAUM YANG LEBIH BESAR.

DR. MAHATHIR MEMUJI MATLAMAT KELAB ITU UNTUK MENCUBA MENGGALAK-KAN LAGI PERSEFAHAMAN, MUHIBBAH DAN KEAMANAN ANTARABANGSA.

BELIAU BAGAIMANAPUN BERKATA, KELAB ITU HENDAKLAH MENJALANKAN USAHA DEMIKIAN DI PERINGKAT KEBANGSAAN DULU, KEMUDIAN DI PERINGKAT RANTAUAN DAN NEGARA-NEGARA LUAR YANG LAIN.

MENYENTUH THEMA KELAB ITU TAHUN INI — 'MENINGGIKAN MARTABAT MANUSIA' — DR. MAHATHIR BERKATA, AHLI-AHLI KELAB HENDAKLAH MEMULA-KAN USAHA MENJAGA MARTABAT MEREKA SENDIRI DARI ASPEK PROFESYEN, KELUARGA, PERNIAGAAN DAN NEGARA.

BELIAU YAKIN MEREKA TIDAK SUKAR MEMENUHI KEHENDAK COGANKATA ITU KERANA KEGIATAN KELAB ITU SENDIRI KEPADA NEGARA ADALAH MENENTUKAN KETINGGIAN MARTABAT MANUSIA SEJAJAR DENGAN KEADAAN SEKITARNYA. — BERNAMA 1832/YF